

25 JAN 1999

Mahkamah - Anwar

ANWAR KEMUKAKAN SAMAN MALU TERHADAP PM MENUNTUT RM100 JUTA

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menuntut gantirugi RM100 juta kerana mendakwa mengeluarkan perkataan-perkataan yang berunsur fitnah terhadapnya pada 22 Sept tahun lepas.

Writ saman itu difailkan oleh peguam Karpal Singh di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi, Wisma Denmark.

Selain itu, Anwar juga memfailkan permohonan untuk mendapatkan perintah injunksi bagi menghalang Mahathir secara sendiri, melalui pekerja-pekerja dan/atau ejen-ejenya dari membuat sebarang kenyataan fitnah terhadapnya seterusnya.

Beliau juga menuntut kos dan apa-apa relief lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh Mahkamah.

Dalam writ saman itu, Anwar mendakwa Dr Mahathir telah mengeluarkan perkataan-perkataan berunsur fitnah kepada wartawan-wartawan tempatan dan luar negara termasuk seorang wartawan dari majalah berita antarabangsa, Newsweek, bernama Dorinda Elliot di pejabatnya pada 22 Sept tahun lepas.

Ini telah menyebabkan kenyataan-kenyataan itu diterbitkan semula di dalam majalah itu bertarikh 5 Okt tahun lepas dengan tajuk "Here's Mud In Your Face".

Anwar juga mendakwa Dr Mahathir telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang berunsur fitnah dengan pengetahuan bahawa perkataan-perkataan yang dituturnya itu akan disiarkan secara meluas di Malaysia dan di seluruh dunia.

Anwar, 51, yang dilucutkan dari jawatan sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept tahun lepas menghadapi lima pertuduhan rasuah kerana menyalahgunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis mengenai dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Beliau juga menghadapi lima tuduhan melakukan salah laku seks.

Perbicaraan kes Anwar bagi empat tuduhan rasuah akan disambung esok.

Sementara itu, Karpal Singh, dalam satu kenyataan akhbar, berkata langkah Anwar untuk mengemukakan saman malu terhadap Perdana Menteri dan menuntut ganti rugi sejumlah yang sebesar adalah perlu disebabkan keputusan yang dibuat oleh mahkamah baru-baru ini.

Katanya Anwar mahu membersihkan namanya kerana keputusan Mahkamah Tinggi dalam perbicaraan terhadapnya yang sedang berlangsung sekarang yang memadamkan keterangan berhubung dengan kesalahan seksual yang diberikan oleh saksi pendakwa.

Katanya pendakwa sepatutnya tidak berusaha ke arah mendapatkan keterangan seperti itu dan keputusan mahkamah supaya keterangan itu dipadamkan membuatkan Anwar tidak ada pilihan lain selain daripada mengambil tindakan undang-undang.

"Dengan memadamkan keterangan berhubung dengan salah laku seksual, Anwar telah diprejudiskan dengan teruk," katanya dan menambah bahawa Anwar telah bersedia untuk membela diri bagi menyangkal keterangan berhubung dengan salahlaku seksual sekiranya dia diperintah membela diri.

Karpal Singh berkata beliau berharap mahkamah akan menetapkan tarikh yang awal untuk mendengar saman yang dikemukakan itu.

-- BERNAMA

JA AHH WAT